

PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERBALIK DALAM PENDIDIKAN ABAD KE-21

**AZAM ABD AZIZ¹, NORZALILAH MOHAMMAD MAZLI, NOOR AMERA OMAR, MOHD JASMY
ABD RAHMAN**
Universiti Kebangsaan Malaysia
azamabdaziz215@gmail.com

ABSTRAK

Pelbagai pendekatan pembelajaran diperkenalkan seiring perkembangan zaman dan juga kemudahan teknologi, contohnya pendekatan pembelajaran berbalik. Tujuan kertas konsep ini adalah untuk meneroka pendekatan pembelajaran berbalik dalam PdP murid abad ke-21 serta mengenal pasti isu dan implikasi pendekatan pembelajaran berbalik dalam PdP murid abad ke-21. Dengan mengaplikasikan teori konstruktivisme sosial dan juga Pembelajaran Berpengalaman Kolb, telah membuatkan pendekatan pembelajaran berbalik ini mempunyai keupayaan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, berpusatkan murid dan juga menggalakkan pembelajaran sendiri, di samping usaha menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran berbalik ini tentunya melibatkan aspek guru kurang pengetahuan tentang pendekatan terkini, pemilihan kaedah konvensional sebagai pendekatan pembelajaran, pemilikan peranti dan capaian internet yang terhad serta kecenderungan murid terhadap gaya pembelajaran berpusatkan guru dan tradisional. Perbincangan mengenai cadangan penyelesaian juga diperhalusi dalam kertas konsep ini bagi memastikan pendekatan pembelajaran berbalik yang digunakan di dalam kelas dapat mencapai objektif pembelajaran. Keberkesanan pendekatan pembelajaran berbalik tentunya memberikan kesan positif dan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah dan negara amnya.

Kata kunci: Pembelajaran berbalik, pendidikan abad ke-21, teori konstruktivisme sosial, Pembelajaran Berpengalaman Kolb

1.0 PENGENALAN

Dunia hari ini menyaksikan perubahan dalam kehidupan yang sangat ketara. Teknologi terkini menjadi asas perubahan masyarakat sehingga mencetuskan pelbagai kaedah yang dapat membantu kehidupan seharian dengan lebih baik berbanding masa lalu. Pendidikan tidak terkecuali dalam menerima tempas penggunaan teknologi dalam membantu memudahkan urusan dan kerja berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Tercetusnya Revolusi Perindustrian hingga yang terkini Revolusi Perindustrian 4.0 telah menyemarakkan lagi penggunaan teknologi dalam pendidikan sehingga mewujudkan kaedah pembelajaran yang pelbagai berasaskan teknologi terkini. Menurut Abdul Wahab et al., (2020) pengintegrasian teknologi dalam sesi PdP adalah sangat relevan dan dunia pendidikan hari ini sangat memerlukannya bagi mewujudkan pembelajaran maya yang interaktif, berkesan dan juga lebih menarik.

Peluncuran Dasar Pendidikan Digital oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada November 2023 menjadi satu penanda aras kepada usaha kerajaan dalam mengangkat pendidikan digital sebagai salah satu wahana yang penting bagi memastikan pendidikan terus dimartabatkan dan integrasi teknologi menjadi fundamental dalam pendidikan hari ini. Dasar ini dilihat sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi oleh murid secara kreatif, inovatif, bersepadu, bertanggungjawab dan beretika (Nur Fatin Zahra, 2023).

Menurut Aminamul Saidah et al., (2023) melalui Dasar Pendidikan Digital ini dapat membantu para guru untuk membentuk dan melahirkan generasi yang kompeten secara digital yang sememangnya diperlukan dalam pasaran kerja yang seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Pendekatan pembelajaran secara konvensional sudah tidak menjadi pilihan dan keberkesannya lebih rendah jika dibandingkan dengan kaedah terkini yang berbantuan teknologi. Pendekatan berasaskan teknologi menjadi pilihan hari ini untuk digunakan di dalam kelas. Jika sebelum ini pendekatan pembelajaran konvensional lebih fokus kepada berpusatkan guru sahaja, dengan integrasi teknologi pendekatan ini telah berubah kepada pendekatan pembelajaran berpusatkan murid (Zulkifly et al., 2021). Perkara ini memberikan murid lebih ruang untuk meneroka ilmu pengetahuan secara sendiri dengan lebih baik sambil dipandu oleh guru. Perubahan ini perlu kerana generasi hari ini adalah generasi yang dikelilingi oleh kehidupan yang berasaskan teknologi. Oleh itu, pendekatan yang menggunakan teknologi dalam PdP akan menarik minat mereka di samping meningkatkan motivasi mereka untuk mengikuti pembelajaran.

Antara pendekatan yang mengintegrasikan teknologi dalam PdP adalah pendekatan pembelajaran berbalik (flipped learning). Pembelajaran berbalik ini merupakan model pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid dan membantu untuk meningkatkan penglibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas di samping dapat memberikan peluang dan kebebasan kepada murid untuk mengulang kaji pembelajaran di rumah, manakala waktu pembelajaran di sekolah akan dijalankan aktiviti pengukuhan seperti perbincangan, permainan, kuiz dan sebagainya (Asma Hilmi et al., 2020). Secara umumnya pendekatan berbalik ini menggabungkan pendekatan konvensional dan juga penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Murid dibekalkan bahan pembelajaran lebih awal untuk diulang kaji sebelum diperkukuhkan pemahaman ketika di dalam kelas bersama guru.

Sebagai tambahan, pembelajaran berbalik didapati mempunyai kesan positif seperti murid lebih memberikan perhatian dalam pembelajaran, pengurusan kelas yang bijak, memudahkan pembelajaran, menggalakkan pembelajaran sendiri, tugas yang diberikan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan juga komunikasi dua hala berlaku antara guru dan murid (Zainab et al., 2021). Perkara ini dilihat bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahu mengubah landskap pendidikan di Malaysia mengikut piawai antarabangsa dengan memperkenalkan pendidikan abad ke-21 yang memerlukan PdP yang menitikberatkan pemupukan dan penerapan kemahiran abad ke-21 (Lisah & Norasmah, 2022). Oleh itu, pendekatan pembelajaran berbalik ini dilihat dapat memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran masa kini dan sesuai digunakan dalam pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan juga pengaplikasian teknologi sebagai alat sokongan pembelajaran.

2.0 TUJUAN

Kajian ini dilakukan untuk meneroka pendekatan pembelajaran berbalik dalam PdP murid abad ke-21 yang menengahkan pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi dan juga berpusatkan murid. Selain itu, isu dan implikasi pendekatan ini juga dibincangkan bagi mendapatkan maklumat yang menyeluruh tentang pelaksanaannya dan juga kesan kepada murid dalam era pendidikan abad ke-21 ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kertas konsep ini:

- i. Meneroka pendekatan pembelajaran berbalik dalam PdP murid abad ke-21
- ii. Mengenal pasti isu dan implikasi pendekatan pembelajaran berbalik dalam PdP murid abad ke-21

4.0 TINJAUAN LITERATUR

4.1 Pembelajaran berbalik (Flipped classroom)

Pembelajaran berbalik adalah salah satu pendekatan yang menggunakan teknologi sebagai sebahagian daripada pelaksanaan pembelajaran. Menurut Galindo-Dominguez, (2021) pembelajaran berbalik adalah satu kaedah pengajaran yang mana bahagian praktikal dan tradisionalnya dijalankan di dalam kelas seperti aktiviti dan penyelesaian masalah, dipindahkan dan dijalankan di luar waktu kelas, manakala bahagian pembelajaran yang biasanya dijalankan di dalam kelas seperti pembentangan dan pemindahan maklumat menerusi pembacaan pula dijalankan di luar waktu kelas. Manakala menurut Kurniawati et al. (2019) kelas berbalik ini adalah kombinasi pembelajaran secara dalam talian di rumah dan secara bersemuka di dalam kelas yang membenarkan perubahan daripada berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Jika dilihat, pembelajaran berbalik ini memberikan murid peluang untuk meneroka dan mencari maklumat berkaitan topik yang akan dipelajari di dalam kelas. Perkara ini selari dengan pandangan Asma et al., (2020) bahawa menerusi pembelajaran berbalik memberi peluang dan kebebasan kepada murid untuk mengulang kaji pembelajaran di rumah, manakala waktu pembelajaran di sekolah akan dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti pengukuhan seperti kuiz, perbincangan, permainan dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberikan masa yang mencukupi kepada murid untuk menelaah sesuatu topik pembelajaran dengan baik. Masa pembelajaran bersemuka di dalam bilik darjah dapat dioptimumkan dengan aktiviti pengukuhan disamping menyokong kepada pemeraksanaan pembelajaran berpusatkan murid (Mohd Adam Mohd Yusof & Siti Mistima Maat, 2022)

Melalui pembelajaran berbalik, gabungan pendekatan berpusatkan murid dan berpusatkan guru dapat dilaksanakan. Pendekatan berpusatkan murid terhasil daripada aktiviti di dalam kelas yang interaktif, manakala pendekatan berpusatkan guru pula terhasil melalui arahan yang eksplisit oleh guru (Asma Hilmi et al., 2020). Lantas pendekatan ini akan menghasilkan pembelajaran yang interaktif dan aktif. Norhayati et al. (2021) juga menyatakan bahawa pembelajaran berbalik mengaplikasikan teknologi pendidikan yang mementingkan pembelajaran aktif. Perkara ini selari dengan pandangan Haliza et al., (2022) bahawa melalui kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid akan menggalakkan penglibatan murid secara aktif sama ada individu ataupun dalam berkumpulan. Bahkan melalui pendekatan ini akan menggalakkan pembelajaran aktif yang akan membantu murid mencapai prestasi akademik yang lebih baik (Hwang et al., 2019).

Manakala guru pula bertindak selaku fasilitator dalam sesi pembelajaran bagi membantu murid menerima dan memindahkan maklumat dan pengetahuan (Rahim Ab Rahman et al., 2022). Kesannya, pembelajaran berbalik ini dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran. Perkara ini dibuktikan oleh Wei et al., (2020) yang menunjukkan prestasi murid dalam pembelajaran mata pelajaran matematik meningkat setelah mengaplikasikan pembelajaran berbalik ini. Malah dalam kajian Mandasari & Wahyudin, (2021) mendapati prestasi akademik murid juga meningkat menerusi penggunaan kaedah ini di dalam pengajaran bahasa Inggeris, dan pengkaji dapati melalui kaedah ini menggalakkan pembelajaran sendiri oleh murid menerusi bahan-bahan pembelajaran yang dibekalkan oleh guru.

4.2 Pendidikan abad ke-21

Pendidikan abad ke-21 mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara bermula dengan pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memberi tumpuan kepada pendidikan abad ke-21 serta berkaitan peranan guru sebagai pemuda cara di dalam kelas (Norazlin & Siti Rahimah, 2019). Bagi memastikan usaha dan agenda ini berjaya, reformasi terhadap kurikulum kebangsaan telah dilaksanakan melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek kemahiran dan kompetensi dalam pendidikan abad ke-21.

Bagi mencapai kualiti pendidikan abad ke-21, murid mestilah dapat menguasai kemahiran dalam pendidikan abad ke-21, iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Oleh itu, kemahiran ini perlu diberikan tumpuan oleh guru untuk didedahkan dan ditanamkan dalam diri murid. Menurut McGunagle & Zizka, (2020) kemahiran abad ke-21 merujuk kepada satu set pengetahuan, kemahiran, tabiat kerja dan sifat perwatakan yang penting dalam melahirkan modal insan yang berjaya. Pendekatan pengajaran yang digunakan dalam membentuk kemahiran pendidikan abad ke-21 mestilah seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi dalam pendidikan. Penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah salah satu peluang yang ada dalam usaha untuk menambah kemahiran pendidikan abad ke-21. Hal ini demikian kerana, menerusi pendekatan PdP yang menggunakan teknologi sebagai medium ataupun alat pembelajaran, dapat menambah minat dan motivasi murid, di samping peningkatan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Pembelajaran berbalik adalah salah satu pendekatan yang sesuai dengan pendekatan pendidikan abad ke-21 kerana pendekatan ini mengubah kaedah pembelajaran konvensional dengan membalikkan kandungan pembelajaran di luar kelas dan aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Dalam pembelajaran berbalik ini murid akan melakukan aktiviti seperti menonton video pengajaran atau mengakses bahan pembelajaran lain yang berbentuk digital ataupun bercetak yang dibekalkan oleh guru sebelum kelas dan menggunakan masa di dalam kelas untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan melakukan aktiviti atau berdiskusi dengan rakan sekelas sambil dibimbing oleh guru.

Pendekatan pembelajaran berbalik adalah salah satu daripada pendekatan berasaskan teknologi yang mempunyai kapasiti untuk mewujudkan pendidikan abad ke-21, dengan menggalakkan kemahiran komunikasi di dalam kelas. Dalam pendekatan pembelajaran berbalik, murid akan diberikan peluang untuk sama-sama berbincang berkaitan topik pembelajaran yang telah dicari sebelum kelas berlangsung. Oleh itu, perkara ini membuka ruang kepada murid untuk terlibat sama dalam perbincangan dengan menggunakan bahan-bahan dan pengetahuan hasil pembacaan dan pencarian berkaitan topik telah diberikan awal oleh guru. Menurut Asma et al., (2020) pembelajaran berbalik mampu meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan antara murid kerana mereka didedahkan dengan aktiviti seperti perbincangan dan pembentangan dalam kumpulan.

Selain daripada itu, perbincangan di dalam kelas yang diwujudkan melalui pembelajaran berbalik dapat memupuk kemahiran kolaboratif dalam kalangan murid dan guru. Murid dan guru secara kerjasama dan muafakat berbincang dan bertukar-tukar idea dan pandangan dan inilah komponen kolaboratif yang menjadi salah satu tunjang dalam pendidikan abad ke-21. Pemikiran kritis pula merangkumi kebolehan untuk menganalisis maklumat dan menawarkan penyelesaian untuk masalah. Manakala kreativiti pula adalah aspek yang memerlukan murid boleh menggunakan pelbagai teknik untuk menjana idea baharu, menghurai, menyaring dan menganalisis idea asal untuk menghasilkan idea baharu (Institut Aminuddin Baki, 2017). Secara tidak langsung pendekatan pembelajaran berbalik sesuai

digunakan dalam mempraktikkan pendidikan abad ke-21 yang kini menjadi elemen utama yang diperkasakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.0 TEORI PELAKSANAAN KELAS BERBALIK

Dalam mengaplikasikan pendekatan kelas berbalik, dua teori pembelajaran telah dikenal pasti yang menyokong kepada pelaksanaan pendekatan ini, iaitu teori konstruktivisme sosial dan juga Pembelajaran Berpengalaman Kolb. Kedua-dua teori ini menjadi asas kepada pendekatan pembelajaran berbalik yang menekankan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Menurut Zainab et al., (2021) teori konstruktivisme adalah teori asas bagi pendekatan pembelajaran berbalik yang memberikan penekanan kepada murid aktif, untuk mendapatkan pelbagai perkaitan konsep semasa menyelesaikan masalah.

Melalui aspek ini, penekanan terhadap murid yang aktif dapat memberikan kesan pembelajaran yang lebih baik. Bagi mewujudkan keadaan murid aktif di dalam kelas, murid perlu dalam keadaan yang bersedia dengan pembelajaran yang ingin diikuti di dalam kelas. Oleh itu, melalui pendekatan pembelajaran berbalik, yang memberikan maklumat dan arahan awal sebelum pembelajaran, dapat menyediakan murid dengan bahan-bahan dan maklumat berkaitan topik yang akan didapati di dalam kelas. Murid akan terlebih dahulu meneroka topik yang ingin diajar sebelum kelas bersemuka dijalankan. Pendekatan ini menyebabkan murid lebih bersedia dengan pembelajaran dan mereka dapat mengikuti pembelajaran secara aktif. Kesannya, murid akan terlibat secara aktif dalam perbincangan di dalam kelas hasil persediaan yang dilakukan sebelum kelas bermula dengan meneroka lebih awal pengetahuan berkaitan topik pembelajaran, sekaligus menerapkan kemahiran komunikasi dan kolaboratif di dalam kelas.

Manakala Pembelajaran Berpengalaman Kolb pula yang dipisahkan menjadi empat tahap iaitu pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimen aktif, juga menjadi asas dalam pendekatan pembelajaran berbalik (Norhayati et al., 2021). Dalam tahap pertama, iaitu pengalaman konkrit merujuk kepada pemahaman yang diperolehi oleh murid melalui pengalaman dan juga orang lain. Mereka akan menerima dan mencerminkan apa sahaja maklumat dan pengetahuan yang disampaikan kepada mereka dan secara tidak langsung mewujudkan pembelajaran secara sendiri. Melalui pembelajaran berbalik, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh murid sebelum kelas dapat menjadi satu cara untuk mengukuhkan lagi pemahaman murid tentang topik yang dipelajari semasa kelas bersemuka.

Tambah Norhayati et al., (2021) lagi, dalam pelaksanaan Pembelajaran Berpengalaman Kolb dalam pendekatan pembelajaran berbalik, murid akan lebih bertanggungjawab terhadap aktiviti pembelajaran mereka dengan mempelajari kandungan pembelajaran sebelum kelas bermula. Tugas yang diberikan guru sebelum kelas bermula dapat memberikan impak yang baik dalam pembelajaran murid. Tugas ini adalah proses meneroka pengalaman baru dan murid dapat membina pengetahuan baru melalui aktiviti yang dijalankan di dalam kelas atau di luar kelas (Rahim Ab Rahman et al., 2022). Oleh itu, murid telah memulakan pembelajaran dengan pengalaman konkrit untuk mengumpulkan maklumat dan pengetahuan sebelum mereka menghadiri kelas secara bersemuka. Penerapan elemen pemikiran kritis berlaku apabila murid menggunakan maklumat dan pengetahuan konkrit mereka untuk memberi pandangan dan idea baharu ketika di dalam kelas. Perkara ini secara tidak langsung menambah pengetahuan murid dan mampu menjadikan kelas yang dijalankan secara pendekatan pembelajaran berbalik lebih berkesan berbanding pendekatan konvensional.

6.0 ISU DAN IMPLIKASI

Pelaksanaan pendekatan pembelajaran berbalik tentunya mempunyai cabarannya yang tersendiri. Isu yang melingkari pendekatan ini lebih kepada aspek pengetahuan dan kesediaan guru dalam menyediakan kerangka pembelajaran yang menepati pembelajaran berbalik, sikap dan penerimaan murid terhadap pembelajaran berbalik, dan juga isu berkaitan persekitaran berbentuk sokongan infrastruktur dan motivasi.

6.1 Guru kurang pengetahuan tentang kaedah pembelajaran terkini

Dalam dunia serba canggih dan berasaskan teknologi, pendekatan dalam pembelajaran juga berubah mengikuti perkembangan zaman. Jika dahulu bersandarkan konsep kapur putih dan bercakap, kini konsep ini telah berkembang dengan mengintegrasikan pelbagai teori pembelajaran dapatan sarjana lepas dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan dan juga keberkesanan pendekatan ataupun kaedah pembelajaran. Menurut Nor Hazirah & Suziyani, (2023) masih wujud mentaliti dalam kalangan guru bahawa penggunaan teknologi dan kaedah pembelajaran terkini hanya menyukarkan pelaksanaan tugas kepada murid, penilaian kefahaman murid dan juga kekurangan peralatan teknologi menyukarkan mereka mengintegrasikan teknologi dalam PdP.

Tambahan, masih wujud guru-guru yang masih kurang pengetahuan berkaitan kaedah pembelajaran yang terkini. Hasilnya, pembelajaran yang kurang berkesan dan juga suasana pembelajaran yang tidak aktif akan diterima oleh murid-murid ketika di dalam kelas. Menurut Asma et al., (2020) kekurangan pengetahuan guru berkaitan kaedah PdP yang terkini menjadi punca pengajaran menjadi tidak menarik. Menurutnya lagi, pengetahuan guru berkaitan kaedah pengajaran terkini yang kurang mungkin disebabkan kurangnya pendedahan mengenai pengajaran tersebut ataupun guru tersebut terlalu sibuk dengan bebanan tugas lain di sekolah. Implikasi perkara ini membawa kepada pilihan kaedah pembelajaran yang tidak sesuai dengan murid dan juga kandungan pembelajaran. perkara ini boleh menyebabkan murid hilang motivasi dan minat di dalam kelas seterusnya membawa kepada objektif pembelajaran yang tidak tercapai. Isu ini sekiranya dibiarkan dan terus menjadi masalah kepada sistem pendidikan, akan memberi kesan kepada kemenjadian murid dalam bidang akademik.

6.2 Guru gemar memilih kaedah konvensional

Menurut Parvathy et al., (2021) masih ramai guru yang terikat dengan PdP tradisional dan tidak bersedia untuk meningkatkan ilmu kemahiran mereka dalam bidang teknologi, malahan mereka kurang berminat dan beranggapan pembelajaran berbalik ini tidak akan memberikan impak yang sama seperti pembelajaran tradisional. Pemikiran jumud begini menguasai guru-guru yang tidak mahu berubah daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan yang lebih terkini dan berkesan.

Tambahan menurut Asma et al., (2020) pula dalam kajian beliau terhadap guru-guru bahasa Arab, mereka lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran berbentuk kuliah kerana pendekatan ini lebih mudah dan menjimatkan masa. Hal ini menunjukkan, sebenarnya pemahaman guru tersebut terhadap pendekatan pembelajaran berbalik adalah rendah, kerana mereka beranggapan bahawa mereka perlu merangka pembelajaran yang kompleks dengan integrasi teknologi, dan juga akan menyebabkan masa mereka lebih banyak diperuntukkan untuk membina kerangka pembelajaran berbanding di dalam kelas.

Oleh sebab itu mereka memilih untuk tidak menggunakannya dan hanya fokus kaedah sedia ada iaitu berbentuk kuliah dan sehalu, sedangkan pembelajaran berbalik boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara yang mudah dan menjimatkan masa. Menurut Nor Hazirah & Suziyani, (2023) tahap pengintegrasian teknologi dalam PdP guru adalah pada tahap sederhana, kerana hal ini dipengaruhi oleh kurangnya pendedahan terhadap integrasi teknologi

dalam PdP akibat kekurangan bengkel dan kursus yang berkaitan penggunaan alat teknologi. Menurutnya lagi, hal ini memberi impak apabila guru lebih selesa menggunakan kaedah pembelajaran setakat yang guru tersebut mahir sahaja.

Kesannya, pembelajaran pasif dan berpusatkan guru semata-mata. Pelaksanaan pendidikan abad ke-21 akan terbantut dan penerapan kemahiran-kemahiran yang penting seperti komunikasi, pemikiran kritis, kreativiti dan kolaboratif tidak akan tercapai. Murid tidak ada pilihan dalam aspek pendekatan pembelajaran dan akur dengan kaedah pilihan guru yang masih bersifat konvensional. Murid akan belajar menggunakan pendekatan yang sama iaitu berasaskan pendekatan konvensional, untuk topik yang pelbagai. Perkara ini akan mengurangkan penerapan kemahiran komunikasi di dalam kelas, murid akan jadi pasif dan hanya mendengar sahaja kuliah guru. Seharusnya pendekatan yang digunakan bergantung kepada topik pembelajaran dan disesuaikan dengan bahan-bahan berasaskan teknologi, supaya murid diberi pilihan untuk mendapatkan pengetahuan. Pembelajaran pasif yang terhasil menyukarkan lagi murid untuk mencapai objektif pembelajaran.

6.3 Masalah pemilikan peranti dan capaian internet

Isu pemilikan peranti dan juga capaian internet adalah isu yang menjadi asas kepada keberkesanan pendekatan yang berorientasikan teknologi dan juga berbentuk digital. Sekiranya murid tidak memiliki peranti, akan menyukarkan pelaksanaan pembelajaran berbalik kerana menerusi pendekatan ini, majoriti bahan-bahan pembelajaran yang dibekalkan guru ataupun arahan-arahan tugas sebelum kelas disampaikan menerusi medium dalam talian dan berbentuk digital yang memerlukan peranti. Masalah ini diakui oleh Ainul Afzan & Ishak, (2021) yang mengatakan tidak semua murid mempunyai peranti digital atau akses internet yang mencukupi untuk membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Masalah ditambah lagi dengan capaian internet yang kurang memberangsangkan akan menyebabkan pembelajaran akan tergendala. Menurut Norasyikin et al., (2023) masalah capaian internet antara isu utama yang timbul sehingga menyebabkan pembelajaran murid terganggu. Murid yang datang dari keluarga kurang berkemampuan akan menghadapi masalah ini. Malahan murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman turut menerima nasib yang sama dengan capaian internet yang terhad dan kurang meluas. Hal ini akan mewujudkan jurang pendigitalan pendidikan yang membawa risiko kepada keciciran dalam pendidikan akibat sukar mendapatkan capaian internet (Aminamul Saidah et al., 2023). Bahan pembelajaran yang dibekalkan guru tidak dapat diakses dan pembelajaran sendiri tidak berlaku seperti yang diharapkan dalam pendekatan pembelajaran berbalik. Perkara ini selari dengan dapatan Muhammad Azrin & Nurfaradilla, (2021) bahawa capaian internet yang rendah di kawasan luar bandar akan menyebabkan keberkesanan pembelajaran yang berasaskan teknologi dan digital berkurang.

Kesannya, murid tidak akan meneruskan pembelajaran berbalik ini kerana kekangan peranti dan capaian internet. Pembelajaran secara sendiri yang ditekankan dalam pembelajaran berbalik tidak akan berlaku, dan kesediaan murid untuk mempelajari topik yang diberikan guru juga akan berkurang. Komunikasi dan kolaborasi antara murid juga tidak akan berlaku apabila murid tiada peranti dan capaian internet. Mereka sukar untuk saling berhubung dan berbincang berkenaan topik pembelajaran yang diberikan guru. Pembelajaran aktif yang diharapkan tidak akan berlaku kerana murid tiada pengetahuan dan bahan maklumat yang perlu dicari menerusi peranti dan capaian internet. Tambahan, murid akan hilang fokus dan menyebabkan motivasi mereka semakin berkurangan (Aminamul Saidah et al., 2023). Akhirnya pembelajaran berbalik gagal mencapai matlamat yang diharapkan dengan objektif pembelajaran tidak berjaya dicapai oleh murid. Pendidikan abad ke-21 jauh sekali untuk direalisasikan.

6.4 Murid cenderung memilih pendekatan tradisional

Tahap penerimaan murid terhadap pembelajaran berbalik juga perlu diambil berat dan dijadikan fundamental dalam melihat isu pembelajaran berbalik. Kesediaan murid terhadap pendekatan ini akan menentukan keberkesanan pendekatan ini. Menurut Mohd Adam & Siti Mistima, (2022) masih terdapat murid yang lebih cenderung kepada pembelajaran secara tradisional berbanding pembelajaran berbalik. Hal ini kerana mereka masih bergantung dan mengharapkan guru untuk mendapatkan pengetahuan dan juga untuk meningkatkan prestasi akademik mereka.

Mereka lebih suka disuap oleh guru berbanding meneroka pembelajaran secara sendiri. Bagi mereka pembelajaran secara tradisional yang bersifat sehalu dengan berpusatkan guru dapat memberikan mereka pengetahuan tanpa mereka berusaha mencarinya secara sendiri. Kemahiran pemikiran kritis tidak akan dapat diterapkan dengan baik. Murid tidak dapat membuat cadangan ataupun memberikan pandangan sendiri hasil pemikiran mereka. Mereka hanya menerima sahaja daripada guru. Perkara ini bukanlah aspek pendidikan abad ke-21 yang kita harapkan untuk murid pada hari ini.

Kesannya, minda sebegini akan membentuk murid yang takut untuk meneroka dunia dan pengetahuan yang luas sifatnya. Mereka hanya bergantung kepada pengetahuan yang disampaikan oleh guru di dalam kelas dan mereka akan ketinggalan dengan pengetahuan semasa tentang topik yang mereka pelajari. Oleh itu, hasrat melahirkan murid abad ke-21 menerusi pembelajaran berbalik akan terencat akibat masalah ini.

7.0 CADANGAN

Bagi memastikan pendekatan pembelajaran berbalik dapat mencapai objektif yang digariskan dan secara tidak langsung menjamin keberkesanan pengajaran, cadangan dan idea baharu perlu dijelmakan dalam realiti untuk menyelesaikan isu dan masalah yang wujud dan seterusnya dapat mengatasi kesan-kesan negatif yang terhasil.

7.1 Penyediaan bengkel dan modul kemahiran pendekatan pembelajaran terkini

Bagi menangani isu kurangnya pengetahuan guru terhadap kaedah pembelajaran terkini, pihak Kementerian Pendidikan boleh bersama-sama Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Pejabat Pendidikan Daerah, merangka bengkel tentang kemahiran dan pengetahuan berkenaan kaedah pembelajaran yang terkini termasuk berkaitan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Hal ini kerana menurut Ashlynzia & Radin Siti Aishah, (2020) kemahiran berkaitan teknologi maklumat adalah kemahiran abad ke-21 yang paling penting dan sangat diperlukan oleh guru dalam mengimplementasikan pendidikan abad ke-21. Ketiga-tiga entiti ini perlu bersama-sama dalam usaha ini supaya semua guru dapat mengikuti bengkel ini tanpa ada yang tercicir. Hal ini kerana, jika dibandingkan sebelum ini, bengkel dijalankan hanya kepada kelompok kecil dan tidak meluas. Sedangkan jumlah guru di seluruh negara adalah berjumlah 408, 617 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Jumlah ini sangat besar dan perlu diambil perhatian yang khusus untuk memastikan pengetahuan pembelajaran terkini dapat disebarkan dengan berkesan.

Selain itu juga peranan pihak swasta juga boleh dilibatkan secara bersama dalam membantu meningkatkan kemahiran guru dalam pembelajaran dengan pendekatan terkini. Aminamul Saidah et al. (2023) mencadangkan badan seperti GLC dan GLICs boleh berkolaborasi secara bersama dengan KPM untuk meningkatkan lagi kemahiran guru berkaitan digital menerusi latihan-latihan bagi membantu meningkatkan kompetensi guru dalam pengaplikasian peranti dan aplikasi berasaskan teknologi digital. Oleh itu pendekatan sebegini

perlu diperkasakan demi memastikan semua guru dapat pengetahuan dan kemahiran tentang pendekatan pembelajaran yang terkini supaya dapat diamalkan di dalam kelas.

Saranan ini selari dengan cadangan Muhammad Azrin & Nurfaradilla, (2021) bahawa khidmat sokongan seperti kemudahan dan bimbingan perlu dimantapkan lagi dan diperluaskan ke seluruh sekolah di Malaysia. Sememangnya para guru memerlukan sokongan bimbingan dan juga pengetahuan berkaitan pendekatan terkini, seperti pembelajaran berbalik yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan berkesan terhadap murid. Selain daripada itu, kerajaan juga boleh mewujudkan modul berkaitan pendekatan pembelajaran terkini. Modul ini boleh dibukukan dan dibekalkan kepada semua guru sebagai bahan rujukan kepada guru ketika mengajar. Tentunya kaedah ini sedikit sebanyak dapat membantu guru mengolah pembelajaran dengan berpandukan modul yang disediakan oleh kerajaan.

Tambahan, peranan pentadbir sekolah juga sangat penting dalam usaha menggalakkan penggunaan teknologi dan juga mengadaptasikan pembelajaran berbalik di dalam kelas. Sokongan dan galakkan daripada pentadbir dapat membantu para guru untuk meneroka dan menambah ilmu pengetahuan tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan juga pembelajaran berbalik ini. Perkara ini ditegaskan oleh Muhammad Faiz & Mohamed Yusoff, (2019) bahawa pentadbir seperti pengetua dan guru besar adalah ketua di sekolah yang memainkan peranan besar dalam menentukan, membuat keputusan dan menentukan hala tuju dalam perkara yang melibatkan implementasi teknologi di sekolah.

Malah menurut pengkaji yang sama pentadbir dapat mempengaruhi guru-guru untuk mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran berbalik. Lantas, pembelajaran yang lebih berkesan dengan mengaplikasikan pembelajaran terkini seperti pembelajaran berbalik yang diintegrasikan dengan teknologi terkini dapat dilaksanakan di dalam kelas dengan penekanan kepada penerapan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kreativiti dan kolaboratif. Hasrat kerajaan untuk guru-guru mengaplikasikan pendidikan abad ke-21 dapat direalisasikan.

7.2 Repositori bahan bantu mengajar

Dalam sesebuah sesi PdP, bahan bantu mengajar memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan sesebuah pembelajaran. Bahan bantu mengajar yang baik dan menarik, dapat membantu guru untuk menarik minat murid untuk bersama-sama fokus di dalam kelas di samping membantu kepada pemahaman murid terhadap topik pembelajaran. Oleh itu, pihak KPM boleh menyediakan satu platform berbentuk repositori yang boleh mengumpulkan bahan-bahan bantu mengajar di satu tempat yang khusus dan boleh memudahkan guru-guru untuk mengaksesnya. Guru-guru boleh menyumbang bahan bantu mengajar yang mereka cipta untuk kegunaan guru-guru lain yang sama mata pelajaran. Hal ini tentu memudahkan guru-guru untuk menggunakan pendekatan pembelajaran terkini yang mengintegrasikan teknologi dan juga bahan-bahan digital dalam PdP.

Selain itu juga, melalui repositori bahan bantu mengajar ini, membolehkan segala pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru, didokumentasikan dan boleh memberikan idea dan inspirasi kepada guru lain untuk membangunkan bahan bantu mengajar yang lain dan lebih berkualiti. Isu tentang guru memilih kaedah berbentuk kuliah dapat diselesaikan dengan penyediaan repositori ini yang memberikan pelbagai pilihan bahan bantu mengajar yang boleh diaplikasikan dalam pendekatan pembelajaran berbalik. Pembinaan rancangan dan bahan pengajaran menjadi lebih mudah dan membantu guru untuk mewujudkan pendidikan abad ke-21.

7.3 Pelbagaikan bahan pembelajaran dalam pembelajaran berbalik

Dalam pembelajaran berbalik, tentunya sinonim dengan bahan-bahan berbentuk digital dan juga secara dalam talian. Seharusnya guru mengubah pemikiran ini dengan menambah bentuk bahan yang boleh digunakan dalam pembelajaran berbalik. Jika sebelum ini guru fokus menggunakan platform media sosial sebagai medium penyampaian bahan pembelajaran, guru-guru boleh menggunakan pendekatan alternatif, seperti membekalkan murid dengan salinan artikel atau bahan pembelajaran dalam bentuk bercetak. Murid juga dapat akses kepada bahan walaupun mereka tidak memiliki peranti dan capaian internet. Buku-buku juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada murid sekiranya mereka tidak mempunyai peranti. Kepelbagaian kaedah menyediakan bahan pembelajaran ini dapat membantu menyelesaikan isu berkenaan pemilikan peranti dan capaian internet.

Selain daripada itu, setiap sekolah tentunya mempunyai makmal komputer dan juga pusat akses yang menawarkan penggunaan komputer dan capaian internet kepada warga sekolah. Oleh itu, penggunaan makmal komputer dan pusat akses boleh dioptimumkan diluar waktu kelas supaya murid dapat datang dan menggunakan kemudahan tersebut untuk mencari bahan pembelajaran sesuai dengan arahan guru. Murid boleh mencari maklumat diluar waktu kelas dan maklumat yang diperolehi boleh digunakan di dalam kelas dan inilah pendekatan pembelajaran berbalik yang sepatutnya diamalkan. Jadi masalah berkaitan pemilikan peranti dan capaian internet sedikit sebanyak dapat diatasi.

7.4 Tarik minat murid dengan kaedah yang menarik

Dalam isu murid yang lebih cenderung kepada pendekatan tradisional dan lebih gemar bergantung sepenuhnya kepada guru-guru untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan, guru-guru boleh gunakan kaedah yang menarik. Contohnya penggunaan teknologi terkini seperti teknologi realiti terimbuh (AR) yang bukan sahaja menarik bahkan mampu memberikan suasana pengalaman sebenar terhadap sesuatu yang sebelum ini dipelajari secara teori semata-mata. Melalui gambaran visual yang dipaparkan menerusi teknologi AR tentunya dapat menarik minat murid untuk meneroka pengetahuan secara sendiri sebelum kelas bermula.

Menurut Jesionkowska et al., (2020) penggunaan teknologi AR dalam PdP boleh menjadi alat yang berkesan untuk mengajar mata pelajaran STEAM, di samping memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, guru perlu bijak dalam memilih bahan dan kaedah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pembelajaran berbalik supaya keberkesanan pengajaran dapat dicapai. Contoh lain melalui Yiing Yiing & Zamri, (2021) penggunaan alat gamifikasi Kahoot terhadap akademik murid dilihat berkesan dan mendorong kepada peningkatan prestasi murid yang memberangsangkan.

8.0 RUMUSAN

Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran berbalik adalah pendekatan terkini yang mengintegrasikan keupayaan teknologi dalam membantu pembelajaran mencapai objektif yang diinginkan. Pembelajaran aktif, berpusatkan murid dan pembelajaran sendiri, adalah elemen yang diaplikasikan dalam pembelajaran berbalik sehingga mewujudkan suasana pendidikan abad ke-21 yang menekankan kepada pembelajaran yang aktif. Meskipun wujud cabaran dan isu dalam pelaksanaan pendekatan ini, impak positifnya tetap dapat dilihat dalam dapatan kajian lepas. Dengan pendekatan ini diharapkan pembelajaran masa kini lebih berkualiti dalam usaha memupuk suasa pendidikan abad ke-21 dan seterusnya melahirkan murid yang mempunyai kemahiran dalam aspek komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, N. binti, Najmi Muhammad, & Ismail, Mohd. S. (2020). Analisis Keberkesanan Penggunaan Ict Dalam Mendepani Gelombang Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Di Negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 101–109. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.149>
- Ainul Afzan, R., & Ishak, A. R. (2021). Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 1–13. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1043>
- Aminamul Saidah, M. N., Bity Salwana, A., & Zamri, M. (2023). Pendigitalan Pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Teknologi Malaysia (JPPTM)*, 1(1), 66–73.
- Ashlynzia, B., & Radin Siti Aishah, A. R. (2020). Kemahiran Abad Ke-21 Yang Diperlukan Oleh Guru Dalam Pendidikan Abad Ke-21. *International Conference On Global Education VIII (Visioning the Future of Education)*, 2–11.
- Asma Hilmi, Zarima Mohd Zakaria, & Ai Fatimah Nur Fuad. (2020). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Arab Dalam Melaksanakan Kelas Berbalik. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 50–67. <https://doi.org/10.33306/mjssh/81>
- Galindo-Dominguez, H. (2021). Trend or Effective Pedagogical Model Compared to Other Methodologies? *Educational Technology & Society*, 24(3), 44–60. <https://www.jstor.org/stable/27032855>
- Haliza, I., Mariani, M. N., & Mohd Nazri, A. R. (2022). Modul Matematik Awal Pembelajaran Stem Berkonsepkan Flipped Classroom Menggunakan Augmented Reality. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(4), 50–57.
- Hwang, G. J., Yin, C., & Chu, H. C. (2019). The era of flipped learning: promoting active learning and higher order thinking with innovative flipped learning strategies and supporting systems. *Interactive Learning Environments*, 27(8), 991–994. <https://doi.org/10.1080/10494820.2019.1667150>
- Institut Aminuddin Baki. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21*. Institut Aminuddin Baki.
- Jesionkowska, J., Wild, F., & Deval, Y. (2020). Active Learning Augmented Reality for STEAM Education—A Case Study. *Education Sciences*, 10(8), 1–15. <https://doi.org/10.3390/educsci10080198>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Maklumat Asas Pendidikan*. <https://emisonline.moe.gov.my/risalahmap/>
- Kurniawati, M., Santanapurba, H., & Kusumawati, E. (2019). Penerapan Blended Learning Menggunakan Model Flipped Classroom Berbantuan Google Classroom Dalam Pembelajaran Matematika SMP. *EDU-MAT: Jurnal Pendidikan Matematika*, 7(1), 8–19. <https://doi.org/10.20527/edumat.v7i1.6827>

- Lisah, S., & Norasmah, O. (2022). Kemahiran Abad ke-21 Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001999. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1999>
- Mandasari, B., & Wahyudin, A. Y. (2021). Flipped Classroom Learning Model: Implementation and Its Impact on EFL Learners' Satisfaction on Grammar Class. *Ethical Lingua*, 8(1), 150–158.
- McGunagle, D., & Zizka, L. (2020). Employability skills for 21st-century STEM students: the employers' perspective. *Higher Education, Skills and Work-Based Learning*, 10(3), 591–606. <https://doi.org/10.1108/HESWBL-10-2019-0148>
- Mohd Adam Mohd Yusof, & Siti Mistima Maat. (2022). Kesiediaan Murid Tahun Satu dalam Mengikuti Pembelajaran Matematik Secara Kelas Berbalik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001635. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1635>
- Muhammad Azrin, A. B., & Nurfaradilla, M. N. (2021). Kompetensi Teknologi e-Pengajaran Guru Bagi Mendepani Pendidikan Pasca Pandemi COVID-19. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(11), 58–73. www.josr.com
- Muhammad Faiz, A. F., & Mohamed Yusoff, M. N. (2019). Kemahiran ICT Mempengaruhi Implementasi ICT Dalam Pendidikan Abad Ke-21. *International Conference on Global Education VII "Humanusung Technology For IR 4.0,"* 1016–1024.
- Nor Hazirah, O., & Suziyani, M. (2023). Pendekatan Kelas Berbalik bagi Subjek Matematik Awal dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002202. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2202>
- Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor, Norhayati Che Mat, Nurazan Mohmad Rouyan, & Khoirun Nisak Mat Saad. (2023). Refleksi Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berbalik Berasaskan Aplikasi Google. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(1), 60–69. <http://www.bitarajournal.com>
- Norazlin, M. R., & Siti Rahimah, A. (2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. In Syahrul Fahmy, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Nabihah Abdullah, & Rabiatal Manisah Mohamed (Eds.), *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 87–105). Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Norhayati, M., Siti Hajar, H., & Rafiza, A. R. (2021). Persepsi Penglibatan Pelajar Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berbalik Secara Mobile. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 26–33.
- Nur Fatin Zahra. (2023, November 28). *KPM Luncur Dasar Pendidikan Digital Lahirkan Murid Fasih Teknologi*. KOSMO. <https://www.kosmo.com.my/2023/11/28/kpm-luncur-dasar-pendidikan-digital-lahirkan-murid-fasih-teknologi/>

- Parvathy Baatinathan, Siti Hajar Halili, & Rafiza Abdul Razak. (2021). Persepsi Guru Bahasa Tamil Terhadap Penerimaan Program Pembelajaran Flip. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 12–17.
- Rahim Ab Rahman, Noor Dayana Abd Halim, & Noor Azlinda Ahmad. (2022). Kesan Flipped Classroom menggunakan Google Classroom terhadap Pencapaian Pelajar bagi Tajuk Daya. *Sains Humanika*, 14(3), 137–1477. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3-2.2028>
- Wei, X., Cheng, I.-L., Chen, N.-S., Yang, X., Liu, Y., Dong, Y., Zhai, X., & Kinshuk. (2020). Effect of the flipped classroom on the mathematics performance of middle school students. *Educational Technology Research and Development*, 68(3), 1461–1484. <https://doi.org/10.1007/s11423-020-09752-x>
- Yiing Yiing, L., & Zamri Mahamod. (2021). Keberkesanan Kahoot Terhadap Pencapaian Murid Sekolah Rendah dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 90–101. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Zainab, A., Muhammad Zahiruddin, M. H., Nurul Afa, B., & Hafsah, T. (2021). Keberkesanan Kaedah Kelas Berbalik Ke Atas Pencapaian dan Kesianan Murid Dalam Topik Set Bagi Murid Tingkatan 4. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 9(2), 62–74. <https://doi.org/10.37134/jsml.vol9.2.7.2021>
- Zulkifly, M. A., Rahimah, E., & Huda Afiqah, H. (2021). Perancangan Pengajaran Guru Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan: Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 11–18. <http://ajocs.com>